

**Isu Ekonomi Dijangka Jadi Agenda Penting Dalam Lawatan TPM Ke Bangkok  
Bernama  
21 Ogos, 2013**

BANGKOK, 21 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan menjadikan peningkatan hubungan dua hala, terutamanya dari segi ekonomi, sebagai satu daripada objektif utama dalam lawatan rasmi dua hari ke Thailand, yang bermula Khamis ini.

Di samping itu, ia adalah peluang untuk merapatkan hubungan dengan rakyat Malaysia yang berada di Thailand, kata Duta Besar Malaysia ke Thailand Datuk Nazirah Hussain.

Beliau berkata lawatan berkenaan penting kerana merupakan kunjungan pertama Muhyiddin ke Thailand sejak Yingluck Shinawatra menjadi Perdana Menteri negara itu.

Muhyiddin akan turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Yingluck.

Nazirah berkata dari segi ekonomi, Thailand adalah rakan dagang Malaysia yang kelima terbesar di dunia dan kedua di ASEAN dan jumlah dagangan tahun lepas mencecah US\$24 bilion, pertumbuhan yang amat besar berbanding dengan hanya US\$8.7 bilion pada 2000.

Semasa di Bangkok, Muhyiddin dijangka melawat Pusat Sains Halal, Chulalongkorn University serta menghadiri mesyuarat meja bulat ketua-ketua industri Malaysia dan Thailand.

Dalam isu halal, Malaysia dan Thailand boleh saling melengkapi kekuatan masing-masing kerana Thailand mempunyai kapasiti dengan kemajuan dalam bidang pertanian manakala Malaysia mempunyai kelebihan dari segi pengiktirafan dalam penjenamaan halal.

Nazirah berkata isu halal penting bagi Thailand yang dijangka menjadi "Kitchen of the World".

Mengenai sempadan Malaysia dan Thailand, beliau berkata terdapat banyak potensi padanan perniagaan bagi syarikat Malaysia dan Thailand di wilayah selatan Thailand.

Beliau berkata syarikat-syarikat Malaysia tidak seharusnya menjauhkan diri daripada kawasan berkenaan hanya kerana laporan mengenai keganasan di wilayah tersebut tetapi memanfaatkan peluang yang ada.

"Semakin besar risiko, semakin banyak keuntungan," kata beliau dan menjelaskan bahawa beberapa seminar kecil diadakan bagi menggalakkan padanan perniagaan antara syarikat-syarikat Malaysia dan Thailand di wilayah berkenaan.

Sementara itu, beliau menyeru rakyat Malaysia supaya berdaftar dengan Kedutaan Malaysia di Thailand bagi memudahkan bantuan diberikan jika terdapat keperluan.

Beliau berkata setakat ini hanya 458 orang rakyat Malaysia yang berdaftar dengan kedutaan dan masih ramai yang tidak melihat keperluan untuk berbuat demikian.

Kebanyakan rakyat Malaysia di sini terdiri daripada peniaga yang telah lama berada di sini, kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971509>